

**JABATAN LAUT MALAYSIA  
WILAYAH TENGAH**

**NOTIS PELAWAAN SEBUT HARGA**

**NO. SEBUT HARGA: JLWT 01/2020**

**KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN TANGKI AIR,  
PENDAWAIAN ELEKTRIK LAMPU JALAN DAN SPOTLIGHT, PENUTUP LONGKANG,  
PAGAR UTAMA DAN KEROSAKAN BERKAITAN DI KUARTERS JALAN KASTAM  
UNTUK JABATAN LAUT MALAYSIA WILAYAH TENGAH**

Tawaran dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang beralamat di **Negeri Selangor** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini dan mempunyai kod gred, kategori dan pengkhususan bidang sepertimana berikut:

**CIDB - Gred: G2, Kategori : B, Pengkhususan : B04 (Kerja-kerja Am Bangunan)**

**&**

**CIDB - Gred: G2, Kategori : ME, Pengkhususan : E04 (Pemasangan Voltan Rendah)**

Kontraktor yang berminat dikehendaki menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak pada **tarikh 21 Januari 2020, jam 10.30 pagi** di **Kuarters Jalan Kastam Jabatan Laut Wilayah Tengah**  
**TEL: 03-31695114**

Lawatan tapak adalah **DI WAJIBKAN** dan hanya Pemilik / Penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) atau Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak. Wakil syarikat adalah tidak dibenarkan. Kontraktor yang tidak menghadiri Lawatan Tapak akan ditolak tawarannya.

Syarikat-syarikat yang berminat dikehendaki mengemukakan Sijil-sijil asal dan salinan fotokopi Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) semasa lawatan tapak dan ketika mendapatkan dokumen Sebutharga.

Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi mulai **22 Januari 2020** pada waktu pejabat (10.00 pagi hingga 5.00 petang) di;

**Jabatan Laut Malaysia Wilayah Tengah, Bahagian Khidmat Pengurusan, Blok A, Aras 2, Peti Surat 268 Jalan Foreshore, 42000 Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan.**

Sebutharga yang telah dilengkapkan hendaklah ditulis No. Sebutharga di sudut atas sebelah kiri sampul surat serta dimeterai dan dimasukkan ke dalam

Peti Sebutharga, Jabatan Laut Wilayah Tengah, tidak lewat jam **12.00 tengahari pada tarikh 28 Januari 2020 (SELASA)**.

Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sama sekali.

Pengarah Laut  
Jabatan Laut Malaysia Wilayah Tengah

Tarikh Iklan: **08 Januari 2020**